

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pengurusan Malaysia Airlines Berhad telah mendapatkan restu Kerajaan Persekutuan untuk mengumumkan penutupan sekiranya rundingan dengan syarikat pajakan kapal terbang berhubung rancangan penstrukturan semula gagal, sama ada Kerajaan Persekutuan akan melakukan '*bailout*' bagi menyelamatkan syarikat penerbangan kebangsaan tersebut.

JAWAPAN

1. Tuan Yang Dipertua, kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Malaysia Airlines tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini. Malaysia Airlines Berhad (MAB) kini beroperasi dengan kira-kira 75% daripada pesawatnya tidak dapat diterbangkan akibat sekatan perjalanan, dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya terjejas.
2. Prestasi kewangan Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) antara tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:-

Tahun	Keuntungan/ (Kerugian) - RM
2015	(1.1b)
2016	(0.7b)
2017	(1.2b)
2018	(1.3 b)

3. Setakat 31 Ogos 2020, jumlah kecairan yang dimiliki oleh Kumpulan MAGB adalah kira-kira RM366 juta selain kira-kira RM578 juta yang tersedia untuk digunakan daripada dana yang diperuntukkan oleh Khazanah. Sehingga kini, Khazanah telah menyuntik kira-kira RM28 bilion ke dalam syarikat penerbangan tersebut manakala jumlah liabiliti MAGB pada masa ini yang akan disusun semula adalah dianggarkan sebanyak RM16 bilion.

4. Untuk makluman, Kerajaan komited untuk membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19. Oleh itu, Kerajaan melalui Skim Jaminan Prihatin Danajamin (SJPD) menyediakan program pembiayaan bernilai RM50 bilion dengan jaminan sebanyak 80% ke atas pembiayaan bagi modal kerja syarikat. Namun demikian, kemudahan jaminan ini disediakan untuk manfaat kepada semua syarikat yang beroperasi di Malaysia dalam semua sektor termasuk sektor penerbangan dan pengangkutan udara tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

5. Kerajaan tidak akan terlibat dalam sebarang pelan untuk menyelamatkan (*bail-out*) MAB. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah kewangan MAGB dan MAB, Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut.

6. Keputusan untuk menutup atau menghentikan operasi MAGB masih belum dilakukan dan bergantung kepada hasil rundingan MAGB dengan pihak pemiutang dan pemajak bagi menstruktur semula syarikat. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan Khazanah juga akan melaksanakan usaha terbaik bagi memastikan kebajikan kakitangan kumpulan MAGB terpelihara termasuk, sekiranya perlu, bayaran pampasan yang setimpal yang mematuhi undang-undang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.